

ISU, CABARAN DAN IMPAK ICT - SATU PENDEKATAN DALAM ISLAM

Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul
Universiti Teknologi Mara Perak, Kampus Seri Iskandar

Pengenalan

Era globalisasi dunia mencetuskan banyak perubahan dalam menghayati kehidupan selepas arus paskal permodenan. Perubahan terhadap gaya hidup berorientasikan teknologi dan kemajuan maklumat memberikan kesan dan menjadi cabaran terhadap nilai, budaya, pemikiran dan corak hidup yang bersendikan adat, tatasusila ketimuran dan penghayatan agama.

Perubahan dunia masa kini amat pantas hasil ledakan teknologi maklumat. Setiap hari pelbagai hasil ciptaan baru dari inovasi teknologi. Teknologi dan maklumat telah berjaya menghapuskan batasan sempadan sesebuah negara. Malahan ia berjaya merubah bentuk pemikiran, ideologi, budaya dan berbagai elemen luar memasuki ruang negara lain tanpa sekatan dan kawalan. **John Naisbitt (1990)** meramalkan bahawa salah satu daripada sepuluh kecenderungan manusia di awal abad kedua puluh satu ialah maklumat. Maklumat tersangat berharga dalam dunia globalisasi hingga ia menjadi penentu dan penggerak kepada masa depan.

Kertas ini mengupas isu di mana ledakan teknologi membawa cabaran dan impak yang kuat terhadap pegangan dan penghayatan nilai-nilai murni agama dan pengaruh negatif yang merubah minda serta gaya hidup insan. Ia menghakis dan mengubah paradigma tauhid, syariah dan akhlak mulia sehingga mengikis nilai-nilai keinsanan.

Justeru itu, suatu pendekatan dan tindakan yang menggunakan metodologi Islam perlu dilaksanakan bagi tujuan mengawal, mendidik dan menjamin agar pengaruh buruk ICT tidak menjadi barah kepada penyakit sosial yang sedia ada. Pendekatan Islam dikemukakan bagi tujuan mendidik dan mengawal individu daripada hanyut dan lemas dalam dunia tanpa sempadan.

Pembangunan ICT di Malaysia

Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan dalam perjalanan menuju negara maju menjelang tahun 2020, pasti tidak ketinggalan dalam arus pembangunan teknologi maklumat.

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan beberapa sumber asli seperti minyak, getah dan kelapa sawit menjadikannya sebuah negara maju dalam industri, makmur dan mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi berbanding beberapa negara lain di Asia Tenggara.¹

Menurut **Akbar S. Ahmed (1994)** perkembangan teknologi maklumat mempengaruhi perkembangan system teknologi komunikasi. Peralatan seperti mesin faksimili, komputer, internet dan satelit telah membantu dan mempermudah manusia berkomunikasi dan berinteraksi tanpa batas sempadan dan ruang waktu.

¹ Chee Peng Lim, 1986, Small Industries in Malaysia

Kemajuan dalam bidang industri mendorong ke arah penggunaan teknologi dalam semua bidang. Pendidikan merupakan asset utama bagi mencapai dan merealisasikan negara maju seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi maklumat.

Teknologi telah memberi impak yang besar kepada pendidikan di Malaysia. Misalnya, teknologi telah mengubah cara kita membina pengetahuan, cara kita mengajar dan belajar, cara kita berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan memudahkan pembelajaran.

Laporan perkembangan menunjukkan indeks kegunaan dan keperluan terhadap ICT adalah suatu perkembangan yang memberangsangkan.

Kajian mendapati tahap celik komputer meningkat dari tahun ke tahun.

ICT telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara dalam pendidikan, teknologi, komunikasi dan ekonomi. Namun tanpa menafikan sumbangan dan kebaikan dari pembangunan ICT terhadap manusia sejagat, kita dapati kesan dan pengaruh negatif juga menjadi cabaran besar dan menggugat sosiobudaya insan.

Isu-Isu, Cabaran dan Impak Dalam Dunia ICT di Malaysia

Kesahihan maklumat.

Berpandukan kepada dalil Naqli iaitu ayat al-Quran Allah berfirman yang bermaksud :
“Sekiranya datang kepadamu orang yang fasik(jahat) membawa berita maka hendaklah kamu berwaspada(berhati-hati) akan kebenarannya”.²

Maklumat yang tepat dan benar kesahihannya adalah penting bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan dan kepalsuan fakta. Terutama sekali dalam soal ilmu keagamaan yang perlu dipastikan kebenarannya. Pihak yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan bagi menyeleweng dan melakukan dusta bagi tujuan menyesatkan orang lain.

Hal ini memberi cabaran terhadap proses tradisonal dalam mendapatkan maklumat yang sahih. Misalnya dengan hanya merujuk kepada bahan dari internet seperti al-Quran kemungkinan berlaku kesalahan fakta seperti ayat dari versi Israeliyat. Oleh itu seseorang perlu merujuk kepada sumber asal bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan.

Kesan yang nyata dari amalan ini ialah ramai pencari maklumat mudah mempercayai bahan yang diperolehi dari internet.

Rujukan maklumat semata-mata kepada internet tanpa pengesahan akan menimbulkan masalah tentang kebenaran fakta sesuatu maklumat

Pelayaran Web Negatif.

Minat dan kesukaan melawati laman-laman web yang tidak bermoral dan tidak berfaedah memberi kesan negatif dalam perkembangan minda dan fizikal manusia. Ketagihan terhadap laman web negatif mencetuskan kerosakan maruah, nilai keperibadian, dorongan terhadap jenayah seksualiti,³ masalah perundangan, perhubungan interpersonal dan pembaziran wang serta masa.

² Al-Hujurat :6

³ Khairul Azhar Idris, Teknologi Maklumat dan kesejahteraan Individu , <http://www.e-sakinah.com/Journal/artikel1.htm>

Kewujudan laman web lucah yang mudah diakses oleh sesiapa sahaja termasuk anak-anak sekolah, remaja dan golongan dewasa memberi kesan negatif terhadap perubahan nilai dan gaya hidup mereka. Larangan agama terhadap perlakuan yang boleh menghampiri zina tidak mampu menyekat remaja dan golongan dewasa daripada menghindari perbuatan tercela. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud

“Jangan kamu hampiri perbuatan Zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji ‘.⁴ Ketagihan internet ini tertumpu kepada cybersex addiction dan compulsive gambling. Material berkaitan sex begitu mudah dan tersiar di internet dengan pelbagai dimensi dan ilustrasi pornografi dan chatroom yang membicarakan unsur-unsur seksual

Kewujudan berbagai bentuk laman web negatif telah mencabar nilai dan gaya hidup insaniah sebagaimana yang diajar oleh Islam. Pendidikan Islam jelas mencegah umat dari terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Pendidikan akhlak menurut Islam ialah pembentukan jiwa dan peribadi muslim yang mampu menjaga dan menjauhi amalan-amalan buruk termasuk melayari laman web lucah.

Impak kepada gejala ini maka merebaklah bermacam penyakit sosial akibat ketagihan seks seperti perzinaan, pelacuran, penularan HIV/AIDS, Homoseksual dan Lesbian, penyakit kelamin, curang dalam hubungan dan melakukan seks sebelum kahwin di kalangan remaja. Menurut laporan akhbar dan kajian oleh penyelidik Universiti Malaya pada tahun 2005 ramai remaja sudah melakukan hubungan seks dalam menjalinkan perhubungan mereka. Malahan ada yang merakamkan untuk simpanan peribadi dan disebar untuk umum melalui internet dan telefon peribadi menggunakan teknologi 3G.

Berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Universiti Malaya dan sebuah syarikat swasta⁵ pada tahun lalu mendapati 13 peratus remaja berusia 15 hingga 21 tahun pernah mengadakan hubungan seks sebelum.Kajian itu mendapati 76 peratus daripada respondennya remaja lelaki manakala 61 peratus membabitkan remaja perempuan.

Dalam kajian lain Kementerian Kesihatan terhadap remaja bersekolah berumur 13 hingga 18 tahun mendapati 1.8 peratus daripadanya mengaku pernah terbabit dalam aktivitiseks.Walaupun isu seks bebas remaja membabitkan kedua-dua jantina lelaki dan perempuan, permasalahan lebih besar sering melingkungi kaum hawa.

Jenayah Internet

Pencerobohan dan penggodam lamanweb (Internet hacker), jenayah kerana melepaskan komputer virus di Internet, penipuan kredit kad secara online, penyebaran maklumat dan bahan yang salah melalui emel, penghasutan dan penyebaran fitnah menjadikan ICT terpesong dari matlamat asalnya. Hal ini mencabar konsep dan falsafah hidup insan yang sukakan keamanan, kedamaian dan keharmonian mereka tidak dicerobohi.

Kesan daripada gejala yang dinyatakan, membawa kerugian dan menjejaskan kesejahteraan mental dan emosi. Malahan ia mampu menggugat kestabilan ekonomi, kesihatan, maruah dan perhubungan manusia.

⁴ Al Isra' : 17

⁵ Harian Metro “Gejala Seks di kalangan remaja” 9 Ogos 2005

Penyebaran Fitnah dan Gossip

Kemudahan melalui ICT sering disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Gejala utama yang selalu dikaitkan dengan teknologi ICT ialah penyebaran fitnah dan gossip oleh satu pihak bagi tujuan memburukkan, memalukan atau menjatuhkan pihak lain. Fitnah disebar menggunakan laman web internet, sms, mms dan media lain terutama di musim pilihanraya.

Hal ini mencabar etika dan tatasusila hidup bermasyarakat dan bernegara. Menurut ajaran Islam, penyebaran fitnah adalah satu jenayah yang sangat besar. Fitnah memberi kesan terhadap maruah dan kedudukan seseorang individu serta keluarganya. Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud “Fitnah itu lebih merbahaya dari membunuh”⁶

Permasalahan Remaja

Minat remaja terhadap ICT terutama teknologi internet dan alat komunikasi mendorong mereka menghabiskan masa di cyber café ,internet café dan telefon tangan. Program seperti chatting, permainan video, sms, mms, 3G dan berbagai aktiviti melaluinya membawa kesan dan cabaran tersendiri.

Kegilaan anak remaja ini memberi cabaran kepada ibubapa mereka. Ramai pelajar yang ponteng sekolah, menyalahgunakan wang saku, meminjam wang teman bahkan ada yang sanggup menipu dan mencuri. Setiap ibubapa adalah pemimpin kepada anak-anak mereka. Menurut ajaran Islam setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap pengikut mereka. Kawalan dan penjagaan yang berterusan perlu bagi menjamin anak-anak tidak terlibat dalam kancas gejala sosial. Hal ini mencabar pengurusan sekolah, pihak berkuasa dan orangramai terhadap masalah pelajar yang mengunjungi pusat internet di waktu persekolahan dan selepas persekolahan.

Kesannya ialah pembaziran masa kerana terlalu lama di cyber café, tidak ada kawalan keluarga dan berkembangbiaknya masalah serta gejala sosial di kalangan remaja. Hal ini menyebabkan kerajaan terpaksa bertindak mengawal aktiviti kunjungan remaja ke pusat-pusat internet.

Aktiviti Perjudian

Pihak berkuasa tempatan, polis dan agensi yang terlibat mendapati berlakunya penyalahgunaan pusat internet sebagai pusat judi. Permainan video yang berorientasikan judi mendapat perhatian di kalangan orang dewasa dan anak-anak remaja.

Kegiatan perjudian mencabar nilai hidup Islam yang jelas mengharamkan judi. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud « Wahai orang-orang yang beriman ! Sesungguhnya arak, judi, menenun nasib dan menyembah berhala adalah kotor dari amalan syaitan . Oleh itu hendaklah kamu jauhi mudahan kamu berjaya”⁷.

Perubahan Gaya Hidup dan Pencemaran Bahasa

Perpatah Melayu ada menyebut:

“Yang Kurek Itu Kendi, Yang Merah Itu Saga”

“Yang Elok Itu Budi, Yang Indah Itu Bahasa”

⁶ Al Baqarah : 191

⁷ Al Maidah : 90

Pengaruh ICT yang menular dalam kehidupan moden hari ini jelas telah berjaya merubah paradigma sosiobudaya dan bahasa komunikasi. Penjajahan budaya hidup Barat dalam aspek pakaian, makanan, minuman, tingkahlaku, hiburan telah menukar jati diri manusia. Pakaian tradisional setiap kaum dan bangsa hanya menjadi pakaian rasmi acara atau perayaan. Ia tidak lagi menjadi pakaian harian yang dibanggakan. Makanan seperti kueh tradisional bertukar dengan makanan import dengan pelbagai jenama terkenal di dunia. Seperkara yang menarik dalam isu ICT ialah berlakunya tanpa disedari iaitu kerosakan bahasa. Bahasa *sms* dan *chatting* memerlukan tulisan yang ringkas dan mudah. Kesannya terbawa sehingga banyak pihak menerima pakai dalam komunikasi harian mereka terutama di kalangan anak remaja. Misalnya perkataan *Assalamualaikum* sudah diringkaskan dengan berbagai cara seperti *Asm., Akum, Aslam dan Salam* mulai tersebar penggunaannya. Perkataan ini jelas tidak tepat dari susunan ejaan, kata-kata dan maknanya sendiri. Ianya jelas merosakkan penggunaan istilah, perkataan dan bahasa itu sendiri.

Perspektif Islam mengenai ICT

Adalah suatu perkara yang tidak perlu dipertikaikan lagi bahawa Islam adalah satu agama yang untuk semua zaman dan keadaan. Di dalam Islam persoalan ilmu adalah menjadi teras kepada kehidupan manusia untuk sentiasa relevan. Ini dapat dilihat dengan turunnya wahyu yang pertama merupakan satu arahan untuk membaca.⁸ Ayat tersebut bermaksud :

“Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan. Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan (menulid) dengan pena. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tidak diketahuinya”⁹

Membaca adalah merupakan satu cara utama mengecapi, memahami dan seterusnya mengausai ilmu pengetahuan. Ruang lingkup ilmu pengetahuan adalah amat luas dan mencakupi pelbagai bidang dan sub-bidang. ICT merupakan salah satu daripada bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh umat Islam.

Islam dan umatnya tidak dapat lari daripada turut sama berada di dalam arus perdana perkembangan ICT¹⁰. Proses perkembangan ini dilihat akan mewujudkan satu masyarakat berilmu di dalam abad informasi ini. Andai kata umat Islam memilih untuk tidak berada di dalam arus perdana ini, maka umat Islam akan terus netinggalan jauh ke belakang. Umat Islam perlu mengambil kesempatan yang disediakan melalui teknologi ini untuk:

- (i) Menyebarkan dakwah dan memberi penerangan mengenai kebenaran dan kesucian agama Islam dengan menggunakan multimedia dan internet ;
- (ii) Menambahkan kefahaman mengenai dunia, budaya dan peradaban melalui peluang untuk melayar (surfing) laman-laman web di internet;
- (iii) Memahami dan menghormati nilai-nilai kemanusiaan dengan mengaplikasikan adab menggunakan internet atau netiquette semasa menggunakan pelbagai kemudahan melalui internet seperti laman web, mel elektronik, perbualan geganti internet atau internet relay chat (IRC), rangkaian teletaip (teletype network, TELNET) dan sebagainya.

⁸ Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2000). “Merombak dan Membentuk Imej Islam dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)” *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM. MS 52

⁹ Al Alaq : 1 - 5

¹⁰ Ziauddin Sardar, *Explorations in Islamic Science*, Mansell, London. Ms 42

KEPERLUAN ETIKA ISLAM

Tidak dapat dinafikan bahawa satu standard etika yang syumul dan menyeluruh amat diperlukan pada zaman ini bagi mengawal dan “mengadapkan” manusia. Dengan satu harapan suci lagi murni, melahirkan umat Malaysia khususnya dan dunia amnya yang akan disegani kerana keluhuran budi dan akal nya.¹¹

a. Nilai Murni

Nilai murni ialah nilai yang baik yang dapat membina keharmonian, kekuatan dan pembangunan individu serta masyarakat . Nilai ini perlu dikembangkan bagi membendung pelbagai krisis yang dihadapi oleh masyarakat.¹² Antaranya termasuklah nilai kejujuran, kesetiaan, keadilan dan sebagainya.

Dalam dunia ICT ini, di mana Internet menjadi senjata utama manusia, maka amat perlu dipastikan mereka yang terlibat di dalam dalamnya sentiasa terpandu dengan nilai ini. Sebagai contoh seorang pengguna Internet wajar tahu setakat mana hak penggunaannya. Pembuat laman web mesti sedar apakah berita yang disebarluaskan itu akan menambah nilai kepada masyarakat atau sebaliknya. Pengamalan kepada nilai murni ini pastinya akan membimbing manusia ICT.

b. Nilai Moral

Ia merupakan nilai asas dan fundamental di dalam pembinaan individu dan masyarakat. Mempertahankan kebaikan dan menolak keburukan serta tindakan yang memperjuangkan kebenaran perlu dipertingkatkan di dalam masyarakat dewasa ini. Semua manusia mesti sedar moral individu yang baik maka akan lahir satu masyarakat yang cemerlang.

c. Nilai Etika

Masyarakat yang beretika ialah masyarakat yang mempertahankan tanggungjawab moral dan social, membentuk individu sebagai anggota masyarakat yang komited terhadap peraturan dan luan-luan yang berhemah.

Islam sebagai contoh telah menyediakan asas etika dan akhlak yang luhur untuk diamalkan oleh semua peringkat manusia di zaman siber ini. Asas sifat seperti *Siddiq*, *Amanah*, *Tabligh* dan *Fataonah* wajar dipraktikkan dalam seluruh generasi ICT.

Sikap *Siddiq* yang bermaksud “benar” amat besar peranannya dalam hidup manusia. Permasalahan kerakusan “manusia pornografi” akan dapat diatasi jika manusia seluruhnya sentiasa memastikan setiap tindakan mereka sentiasa benar. Hal ini hanya dapat dipastikan jika manusia itu punyai iman dan pekerti yang luhur.

Amanah sebagai standard umum perbuatan manusia akan melahirkan generasi yang “success” dalam segenap lapangan. Penyebar maklumat yang amanah akan sentiasa memastikan bahan yang disebar adalah betul dan tepat dan akan dipertanggungjawabkan di kemudian hari. Didikan terhadap perbuatan amanah ini mestilah dilakukan sejak manusia itu diperingkat “rebung”.

Sifat *Tabligh* pula akan memastikan amalan menyuruh manusia berbuat kebaikan dan melarang manusia berbuat kejahatan akan berterusan. Setiap individu yang

¹¹ S.Salahudin Suyurno @sss & Mohd Yadman Sarwan (2003)“KOLOKIU M PEMANTAPAN ILMU ISLAM 2003” anjuran PPI dan ILQAB. Pada 05 Jun 2003

¹² Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Ms.13

terlibat secara langsung ataupun tidak secara langsung dalam dunia Internet dan maklumat sewajarnya faham akan maksud “tabligh”.

Manakala sifat atau standard **Fatonah** juga sewajarnya disebarluaskan dikalangan umat ICT. Fatonah yang bermaksud bijaksana akan mendorong manusia sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu di dalam Internet. Jika sifat ini berjaya ditanam dalam jiwa manusia seluruhnya maka standard etika yang cemerlang akan berjaya diaplikasikan dalam masyarakat dunia. Sebab “the character of the Muslim community is not determined by the rituals alone”.¹³ Muslim mesti tahu bagaimana memperbetulkan segala serangan dan dakyah yang dilontar terhadap mereka.

d. Nilai Kerohanian

Nilai kerohanian tidak dapat dinafikan akan kepentingannya. Ia menjadi benteng ulung bagi membina kekuatan, ketahanan dan peribadi seseorang. Jiwa yang kuat akan melahirkan individu yang cemerlang.

Sebagai sebuah masyarakat malaysia yang unggul maka sewajarnya kita biasakan diri dengan nilai kerohanian yang mulia. Malaysia akan dipandang mulia jika masyarakatnya berhati budi dalam segenap perkara, samada dari aspek hubungan individu hinggalah ke aspek ICTnya.

e. Nilai Budaya

Nilai budaya ialah nilai-nilai yang mencorakkan kehidupan sesuatu masyarakat atau bangsa. Budaya masyarakat melayu terkenal dengan identiti tersendiri yang dipengaruhi kuat oleh adat, kepercayaan, tradisi, kemasyarakatan, bahasa, baik hati, dan lain-lain lagi. Nilai budaya yang baik . Jika dilihat Malaysia sebagai sebuah negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara maka sewajarnya nilai-nilai baik ini disebarluaskan diseluruh pelusok negara.

Kepenggunaan Internet harus diterima dengan hati yang terbuka, tetapi ia harus di pandu dengan etika dan akhlak mulia agar menjadi budaya masyarakat Malaysia, melayari Internet untuk mencari maklumat adalah satu kebiasaan dan maklumat yang diakses hanyalah maklumat yang dapat memantapkan minda dan hati nurani. Penyemaian nilai hormat wajar diberi keutamaan. Meletakkan nilai hormat yang tepat dan bersesuaian dengan kehendak ajaran mulia agama dalam institusi ICT dewasa ini adalah satu kemestian.

f. Nilai Jujur

Kejujuran adalah asas dalam perlakuan manusia. Bagi seseorang muslim setiap amal mereka dinilai berdasarkan kepada eikhlasan dan kejujuran. Nabi Muhammad menjelaskan dalam hadis baginda yang bermaksud “ Setiap amal bermula dengan Niat”. Satu perkara yang dapat kita laksanakan ialah memaparkan pada papan skrin mengenai etika melayari laman web. Ia dapat membantu mendidik seseorang daripada melakukan sesuatu yang salah dan membina kejujuran diri.

¹³ S.Salahudin dan Aini Faezah (2000). “The Needs of Ethical Qualities in Administration”. *Fakultas Jurnal Kolej Cempaka/Kenanga: UiTM*. Uitm: Shah Alam. ms 85

PENUTUP

Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan makmur mestilah melengkapkan masyarakatnya dengan standard etika yang cemerlang bagi melayari alam siber yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Islam sebagai agama yang membawa rahmat hendaklah dijadikan rujukan utama di dalam penggubalan standard etika kepenggunaan Internet, sesuai dengan ciri Islam itu sendiri yang membawa perubahan menyeluruh samada dari sudut sosial, ekonomi dan sebagainya.¹⁴ Islam mewajibkan kepada seluruh kaum muslimin agar yang satu menghormati yang lainnya, yang seorang menjaga kemuliaan diri dan kawannya, keharuman namanya, kebagusannya dengan hati yang seikhlas-ikhlasnya.¹⁵ Adalah menjadi harapan besar negara dengan adanya ketelusan dan ketulusan dalam zaman siber ini maka masyarakat akan lebih beruntung dan sejahtera. Tiada lagi unsur yang yang boleh merosak dan menghancurkan keutuhan masyarakat disebar melalui jaringan maya yang akan diakses oleh manusia sejagat.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Chee Peng Lim (1986), *Small Industries in Malaysia*, Kuala Lumpur :Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Fathi yakan (1985) *Generasi Muda dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Khairul Azhar Idris, *Teknologi Maklumat dan kesejahteraan Individu* , <http://www.e-sakinah.com/Journal/artikel1.htm>
- Ismail Hj. Ibrahim (2000) "Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Untuk Islam" *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM
- Khairul Azhar Idris (), *Teknologi Maklumat dan Kesejahteraan Individu*, Kuala Lumpur, IKIM
- Mashita, S.Salahudin dan Azizon (2002). *Penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Uitm dalam pencarian maklumat -maklumat Islam*. Shah Alam: Research BRC UiTM
- Makhdzir Mardan (2000). "Mendaki Zaman Perubahan Yang Berterusan". *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mohd Yadman Sarwan S.Salahudin Suyurno @sss (2003) *Keperluan Kepada Standard Etika Kepenggunaan Internet di Malaysia "KOLOKIUM PEMANTAPAN ILMU ISLAM 2003"* anjuran PPI dan ILQ AB. Pada 05 Jun 2003
- Palani Murugappan (1999). *Internet Langkah Demi Langkah*. Kuala Lumpur: Venton Publishing
- Sayid Sabiq (1978). *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*. (ter) Singapura: Pustaka Nasional.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2000). "Merombak dan Membentuk Imej Islam dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)" *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM
- S.Salahudin dan Aini Faezah (2000). "The Needs of Ethical Qualities in Administration". *Fakultas Jurnal Kolej Cempaka/Kenanga: UiTM*. Uitm: Shah Alam

¹⁴ Fathi yakan (1985) *Generasi Muda dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Ms. 10.

¹⁵ Sayid Sabiq (1978). *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*. (ter) Singapura: Pustaka Nasional. Ms 237

- S.Salahudin Suyurno (1999) *Maklumat: Keperluan Umat Kepada Falsafah Pengurusan Maklumat Secara Islam*. Disertasi Msc. Info Mgt. Uitm Shah Alam
- S.Salahudin Suyurno (2002) “Keperluan Pengurusan Maklumat Secara Islam” *Jurnal Tasawwur Islam*. PPI: UiTM Shah Alam Ziauddin Sardar, *Explorations in Islamic Science*, Mansell, London. 1989